# HARIAN METRO – RABU 11 APRIL 2018



SUKARELAWAN bersama pelatih PDK KKB

# DEKATI ANAK SYURGA



ANTARA aktiviti yang dilakukan pelatih PDK KKB sepanjang program Kembara ANIS.

14 penuntut UNISEL sertai Kembara ANIS bersama pelatih PDK KKB

KOMUNITI BELIA

Redzuan Muharam
geny@hmetro.com.my

**Seperti** individu lain, orang kurang upaya (OKU) juga perlukan perhatian masyarakat dan ada keinginan untuk berseronok.

Menyedari keperluan itu, Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kuala Kubu Bharu (KKB) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menganjurkan program Kembara Anak Istimewa (ANIS) iaitu lawatan ke Taiping, Perak bersama 14 pelatih (OKU) menaiki Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS).

Selain guru dan Ahli Jawatankuasa PDK, lawatan berkenaan turut disertai 14 sukarelawan terdiri daripada penuntut Universiti Selangor (UNISEL) kampus Bestari Jaya.

Pensyarah Pusat Pengajian Asasi dan Umum UNISEL merangkap penasihat program Hafiza Ab Hamid berkata, kembara menaiki ETS julung kali diadakan dengan objektif memberi pendedahan kepada pelatih berkenaan dunia luar selain peluang kepada sukarelawan berinteraksi lebih dekat dengan golongan OKU.



"Program ini berlangsung selama dua hari satu malam dan membabitkan lawatan ke beberapa destinasi menarik antaranya Muzium Taiping, Zoo Taiping, Bukit Larut dan Taman Tasik Taiping.

"Selain memberi pendedahan dan melatih kemahiran kendiri pelatih PDK, program ini juga antara platform untuk sukarelawan terbabit mengendalikan anak istimewa kategori masalah fizikal dan pembelajaran seperti cerebral palsy, sindrom down, lembam serta autisme.

"Menerusinya, mereka akan menimba pengalaman baru sekali gus timbul kesedaran untuk belajar mengenali karakter OKU dan cara berinteraksi dengan golongan berkenaan," katanya.

Menurut Hafiza, penganjuran program seumpama itu diharap membuka mata masyarakat berkenaan OKU yang juga berhak menjalani kehidupan seperti individu lain.

"Program ini sangat memberi kesan kepada sukarelawan yang rata-ratanya gembira kerana dapat meluangkan masa bersama pelatih terbabit.

"Diharap program seperti ini diperluaskan ke PDK lain bagi memberi peluang kepada pelatih OKU untuk melakukan aktiviti luar yang menyeronokkan," katanya.

Sementara itu, Muhammad Irfan Daniel Jupining Abdullah, 25, berkata dia pernah terbabit dalam misi bantuan banjir sebelum ini namun program Kembara ANIS memberi pengalaman baru buatnya kerana membabitkan pelatih OKU.

Katanya, sebagai sukarelawan, dia memang menantikan program seumpama itu kerana secara tidak langsung memberinya peluang mempraktikkan ilmu dipelajarinya dalam bentuk praktikal.

"Saya pelajar jurusan Pendidikan Awal Kanak-Kanak jadi program ini berkait rapat dengan apa yang dipelajari di bilik kuliah.

"Ia jadi lebih menarik apabila saya dan sukarelawan lain tidak hanya berpeluang membawa pelatih melawat tempat menarik tetapi turut menguruskan mereka sepanjang program berlangsung.

"Secara tidak langsung, kembara ini menjadikan saya lebih dekat dengan mereka dan diharap ada lagi peluang untuk turut serta dalam program sebegini pada masa akan datang," katanya.

Seorang lagi sukarelawan, Sharifah Nur Fareha Syed Bakri, 25, berkata Kembara ANIS adalah program kesukarelawan sulung yang disertainya dan dia gembira terpilih untuk turut serta.

"Saya berminat turut serta dalam program ini kerana teringin mendekati golongan OKU sejak dulu lagi dan ternyata, pengalaman ini sangat menarik selain kepuasannya tidak dapat digambarkan dengan kata-kata.

"Walaupun masa bersama mereka agak singkat, saya gembira kerana dapat menyelami kehidupan golongan istimewa itu dan berharap lebih ramai anggota masyarakat tampil dengan inisiatif serupa," katanya.